

KAJIAN TERHADAP MINAT DAN SIKAP KE ATAS PENCAPAIAN PELAJAR BAGI KURSUS DPB1013-STATISTICS JABATAN PERDAGANGAN POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

Zurina Binti Abdul Kadir

Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah,
06000 Jitra, Kedah
(zurinasani@gmail.com)

Abstrak: Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap minat dan sikap ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics di Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). Seseorang pelajar memerlukan minat yang mendalam terhadap sesuatu kursus bagi memastikan diri mereka mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Responden yang terlibat adalah kesemua pelajar semester satu yang mengambil kursus Statistics daripada program Diploma Pemasaran (DPR) dan Diploma Akauntansi (DAT) Sesi Disember 2018 Jabatan Perdagangan, POLIMAS. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kuantitatif. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian IBM *Statistic Package for the Social Sciences* (SPSS) Versi 20. Borang soal selidik diedarkan kepada 123 responden bagi tujuan pengumpulan data dan mengandungi 19 item instrument kajian. Pencapaian pelajar diambil dari keputusan Peperiksaan Akhir kursus DPB1013-Statistics Sesi Disember 2018. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap minat dan sikap ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics adalah tinggi dengan skor min keseluruhan adalah di antara 4.10 - 4.17. Ini membuktikan bahawa minat dan sikap adalah perlu untuk memastikan pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics.

Kata Kunci: *Minat, sikap, pencapaian, Statistics*

1.0 PENGENALAN

Kursus DPB1013-Statistics adalah kursus teras bagi pelajar semester satu yang mengambil program DPR dan DAT di POLIMAS. Berdasarkan silibus yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik versi: 090514_1.2_Effective: Dec 2016, kursus ini mengandungi tujuh (7) bab yang perlu difahami dan dikuasai oleh pelajar sebelum menduduki peperiksaan akhir di penghujung semester. Antara bab yang tersedia ialah Bab 1: *Introduction to Statistics*, Bab 2: *Data Presentation*, Bab 3: *Measures of Central Tendency*, Bab 4: *Measures of Dispersion and Skewness*, Bab 5: *Correlation and Regression*, Bab 6: *Hypothesis Testing* dan Bab 7: *Elementary of Probability Concepts*. Kursus ini merupakan kursus yang memberikan 3 jam mata kredit dengan jumlah jam pembelajaran adalah sebanyak 60 jam untuk satu semester.

Kursus ini memberi penekanan kepada pengetahuan dan keupayaan pelajar untuk mengendalikan data statistik dan mentafsirnya dengan

berkesan. Kursus ini juga memberikan pemahaman tentang bagaimana untuk menggunakan data statistik dalam bidang yang berkaitan.

Hampir 90% daripada bab yang perlu dipelajari oleh pelajar melibatkan kaedah pengiraan. Memandangkan pelajar adalah terdiri daripada program DPR dan DAT yang berbeza latarbelakang pendidikan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, pensyarah kursus perlu membimbing pelajar-pelajar ini untuk lulus dengan cemerlang. Pelajar juga perlu memainkan peranan mereka dengan baik bagi memastikan mereka turut lulus dengan cemerlangnya bagi kursus ini. Untuk lulus, pelajar perlukan mempunyai sikap dan minat yang mendalam terhadap kursus ini bagi memastikan mereka mendapat pencapaian yang tinggi bagi kursus ini.

1.1 Latarbelakang Masalah

Bermula Sesi Jun 2010, kurikulum berasaskan kepada hasil pembelajaran berpusatkan pelajar atau Outcome Based Education (OBE) telah diperkenalkan kepada

Corresponding Author: Zurina binti Abdul Kadir, Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 06000 Jitra, Kedah, 0129001496

semua Politeknik di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Tujuan OBE ini diperkenalkan adalah untuk melahirkan graduan yang selaras dengan kehendak dan keperluan negara serta setanding dengan graduan dari institusi pengajian tinggi yang lain. Pelaksanaan OBE memerlukan pensyarah bukan hanya menyampaikan isi kandungan sukatan kursus mengikut keperluan OBE yang telah dinyatakan garipanduannya tetapi faktor-faktor lain seperti sikap dan minat para pelajar juga perlu dititikberatkan oleh pensyarah. Jika minat dan sikap tidak diterapkan dalam diri pelajar maka kita akan mengalami kerugian dan pencapaian yang tidak cemerlang [1].

Kursus DPB1013-Statistics ini memerlukan pelajar mahir dan cekap dalam pengiraan. Pengamatan pengkaji mendapati bahawa pelajar ada yang mengalami masalah dalam menjawab soalan peperiksaan akhir kerana tidak memahami kehendak soalan atau tidak tahu menjawab soalan yang ditanya. Pelajar juga diamati kurang berminat dengan kursus yang melibatkan pengiraan sepenuhnya dan ini boleh mempengaruhi sikap pelajar terhadap kursus tersebut. Sekiranya pelajar tidak mempunyai minat terhadap sesuatu kursus ini akan memberikan sikap yang negatif terhadap kursus tersebut dan akhirnya pelajar tersebut terpaksa mengulang kursus buat kesekian kalinya [2].

Memandangkan masih belum ada kajian terhadap minat dan sikap ke atas pencapaian pelajar bagi kursus ini, pengkaji mengambil langkah awal untuk membuat kajian tentang persoalan ini.

1.2 Kerangka Konseptual

Dalam kajian ini, pengkaji mengadaptasi kerangka konseptual seperti Rajah 1. Minat dan sikap merupakan pembolehubah bebas yang dihubungkan dengan pencapaian pelajar dalam kursus DPB1013-Statistics. Hasil kajian ini akan dapat memperlihatkan sejauhmanakah tahap minat dan sikap ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian [3]

1.3 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:-

- Mengenalpasti tahap minat ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics
- Mengenalpasti tahap sikap ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics

1.4 Persoalan Kajian

Pengkaji berusaha untuk mencari jawapan bagi persoalan kajian berikut:-

- Sejauhmanakah tahap minat ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics
- Sejauhmanakah tahap sikap ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya menekankan kepada kajian tahap minat dan sikap terhadap pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics. Faktor-faktor lain seperti corak pembelajaran pelajar, kaedah pengajaran pensyarah serta persekitaran tempat belajar pelajar tidak diambil kira walaupun faktor-faktor ini juga dilihat menyumbang ke arah pencapaian pelajar.

1.6 Kepentingan Kajian

Melalui kajian yang dijalankan, pengkaji berharap dapat mengenalpasti tahap minat dan sikap ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics. Dapatan kajian ini adalah penting kepada pelajar terutamanya pelajar yang mengambil kursus ini supaya dapat menerapkan sikap yang positif dalam diri mereka terhadap kursus ini kerana faktor sikap dilihat mampu untuk meningkatkan minat dan pencapaian mereka terhadap kursus ini. Tambahan pula pelajar ini merupakan pelajar semester satu yang baru memulakan sesi pengajian mereka di POLIMAS. Sikap yang positif diharap dapat memberikan semangat baru kepada pelajar untuk mereka meneruskan pengajian sehingga tamat.

Pensyarah yang mengajar kursus ini juga diharap dapat mengambil manfaat daripada hasil kajian ini untuk mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran (P&P) dengan memastikan P&P dilaksanakan dengan berkesan, suasana yang menyeronokkan serta dapat menimbulkan sikap positif dalam diri pelajar untuk meminati kursus ini. Keadaan ini diharapkan dapat memastikan pencapaian pelajar berada pada tahap yang tinggi.

Pengkaji juga berharap agar kajian ini dapat digunapakai oleh pengkaji lain untuk mengukur sejauhmana tahap minat dan sikap ke atas pencapaian pelajar dalam kursus yang mereka kendalikan.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu minat dan sikap.

2.1 MINAT

Pelbagai aspek perlu diambilkira untuk memastikan pelajar dapat menguasai kursus yang dipelajarinya. Minat juga diperlukan sekiranya pelajar ingin mendapatkan pencapaian yang cemerlang.

Salah satu aspek yang boleh menarik minat pelajar adalah melalui motivasi. Menurut [4], motivasi merupakan perkara yang penting kepada pelajar terutamanya pelajar yang baru memasuki institusi pengajian tinggi. Peralihan kepada persekitaran pembelajaran baru adakalanya memberi tekanan kepada pelajar.

[5], mendapati bahawa sikap dan minat pelajar terhadap Bahasa Arab adalah penting dalam mementukan kejayaan mereka. Minat dan sikap merupakan aspek penting dalam menentukan sebuah kejayaan.

Minat berkait rapat dengan sikap yang mana seseorang akan bersikap positif terhadap sesuatu perkara sekiranya dia meminati perkara tersebut. Minat dan sikap akan menghasilkan sesuatu yang bermakna dan berkesan [1].

[6], membuktikan bahawa minat boleh mendorong pelajar berusaha bersungguh-sungguh kerana minat boleh menjadi daya penggerak dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap sesuatu matapelajaran.

Minat yang mendalam terhadap sesuatu perkara akan mendorong seseorang untuk mendapatkan apa yang diinginkannya. Minat boleh menjadi pembakar semangat kepada pelajar yang mengambil kursus DPB1013-Statistics sekiranya dia mempunyai sikap yang positif dan berusaha untuk mendapatkan kejayaan bagi kursus ini.

2.2 SIKAP

Sikap ialah sesuatu yang mempengaruhi seorang individu dalam memberi nilai terhadap simbol objek atau apa yang disukai atau tidak. Sikap adalah sesuatu yang terhasil daripada perasaan, kepercayaan atau pemikiran seseorang terhadap objek psikologi [7].

Manakala [8] sikap menggambarkan kesediaan untuk melakukan sesuatu samada yang kita suka atau tidak. Sikap boleh memberi kesan yang khusus kepada tingkah laku, daya usaha, minat dan kesedaran [9].

Sikap juga dilihat mempunyai kaitan rapat dengan pencapaian seseorang di dalam pembelajarannya. Sekiranya pelajar mempunyai sikap yang positif maka pelajar tersebut akan cuba menguasai bahasa tersebut dengan pelbagai cara. Oleh itu, menurut [10] menyimpulkan bahawa pelajar yang mempunyai sikap positif bersedia untuk belajar dan mempunyai motivasi yang tinggi akan berjaya menguasai sasaran dan begitulah sebaliknya.

Menurut [11], yang dipetik daripada Utusan Malaysia 17 Jun 2008 mendapati bahawa sikap pelajar Melayu terhadap pembelajaran kurang menggalakkan apabila 73% tidak suka membuat latihan tambahan, 50% gagal menyelesaikan kerja rumah dan 48% terlalu bergantung kepada guru. Ini membuktikan bahawa sikap pelajar perlulah seiring dengan minat terhadap sesuatu yang mereka ingin lakukan.

Pencapaian pelajar boleh dikaitkan dengan beberapa faktor. Antaranya minat, sikap, gaya pembelajaran, kaedah pengajaran dan latar belakang keluarga. Di samping itu bahan dan alatan bantuan, aktiviti dan pengalaman pengajaran dan pembelajaran mereka [12].

[13] menyatakan minat, sikap, pengajaran guru dan faktor dorongan ibubapa adalah faktor utama yang mempengaruhi pencapaian cemerlang pelajar. Masakini, pencapaian akademik pelajar merupakan satu isu yang penting dalam bidang pendidikan. Di Malaysia, konsep pencapaian akademik pelajar adalah merujuk kepada hasil penilaian guru/pensyarah terhadap sesuatu yang diajar kepada pelajar-pelajar mereka melalui pemberian markah, gred atau kedudukan seorang pelajar di dalam kelas.

Menurut [14], aspek sikap individu pelajar perlu diambilkira dalam memastikan keberkesanan P&P yang dilaksanakan mencapai objektif dan memberikan impak terhadap kecemerlangan pelajar.

Justeru itu, pensyarah kursus DPB1013-Statistics perlu memberi penekanan terhadap keberkesanan P&P bagi memastikan pencapaian pelajar berada di tahap yang paling tinggi.

Dalam kajian ini, sikap dikaitkan dengan tingkahlaku pelajar DPB1013-Statistics Sesi Disember 2018 yang ditunjukkan terhadap kursus ini.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian atau metodologi bahagian terpenting di dalam sesebuah kajian dalam memastikan objektif serta persoalan kajian terjawab atau tidak. Metodologi kajian meliputi rekabentuk kajian, sample kajian, instrument kajian serta analisis dan dapatan kajian.

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik bagi pengumpulan data. Seramai 123 orang pelajar yang mengambil kursus DPB1013-Statistics bagi program DPR dan DAT di Jabatan Perdagangan, POLIMAS yang telah mengambil kursus ini pada Sesi Disember 2018.

3.2 Sample Kajian

Kajian ini telah berusaha untuk mendapatkan kesemua sample kajian iaitu 123 orang pelajar sebagai sample kajian.

3.3 Instrument Kajian

Data diperolehi dengan mengedarkan borang soal selidik melalui sebaran link 'Google Form' kepada kesemua 123 orang pelajar yang mengambil kursus ini melalui pensyarah kursus masing-masing. Borang soal selidik ini mengandungi 19 item yang dibahagikan kepada 3 bahagian. Bahagian A adalah berkaitan dengan bidang pengajian responden. Bahagian B 8 item yang mengukur tahap minat pelajar ke atas kursus DPB1013-Statistics dan bahagian C 10 item yang mengukur tahap sikap pelajar ke atas kursus DPB1013-Statistics. Untuk item di Bahagian B dan C soal selidik ini telah diubah suai berdasarkan soal selidik kajian oleh [15] dengan menggunakan kaedah Likert Lima (5) mata ukuran.

Maklumat berkaitan dengan pencapaian pelajar dalam Peperiksaan Akhir Sesi Disember 2018 bagi kursus DPB1013-Statistics juga digunakan dalam instrument kajian.

Dapatan kajian akan dianalisis menggunakan SPSS Versi 20. Data-data kajian ini akan diuraikan melalui statistik deskriptif. Data statistik deskriptif digunakan bagi melihat taburan mengikut nilai kekerapan dan peratusan sesuatu fenomena yang berlaku di kalangan responden dengan menggunakan frekuensi. Selain itu, skor min turut diuraikan bagi mengetahui ciri-ciri yang wujud di dalam data yang diperolehi.

4.0 ANALISIS DAN KEPUTUSAN

4.1 Analisis Data

Analisis statistik deskriptif dalam bentuk frekuensi dan peratusan digunakan untuk melaporkan keputusan kajian ini. Borang soal selidik dan pencapaian pelajar dalam Peperiksaan Akhir Sesi Disember 2018 untuk kursus DPB1013-Statistics dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 20 bagi mendapatkan data yang tepat. Dapatan analisis dipaparkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan kekerapan, peratusan, sisihan piawai, *Cronbach's Alpha*, dan min. Nilai skor min dikelaskan kepada tiga tahap iaitu:-

Nilai Skor Min	Tahap
3.67 hingga 5.00	Tinggi
2.34 hingga 3.66	Sederhana
1.00 hingga 2.33	Rendah

Jadual 4.1: Pengelasan Skor Min [16]

Instrumen kajian yang mengukur sesuatu pembolehubah dengan tekal dikatakan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. [17] menyatakan nilai koefisien yang melebihi 0.80 menunjukkan item-item instrumen kajian yang digunakan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Untuk kajian ini, item-item instrument kajian telah dianalisis menggunakan kaedah *Cronbach's Alpha*.

Pembolehubah	N	Cronbach's Alpha
Minat	8	0.932
Sikap	10	0.947

Jadual 4.2: Nilai pekali kebolehpercayaan item instrumen kajian

Berdasarkan Jadual 4.2, didapati nilai *Cronbach's Alpha* bagi setiap pembolehubah minat dan sikap adalah sebanyak 0.932 dan 0.947.

4.2 Dapatan Kajian

Bagi menjelaskan dapatan keseluruhan item, pengkaji menyediakan analisis keseluruhan dapatan yang telah diperolehi melalui soal selidik yang telah dilakukan terhadap responden dan nilai min masing-masing. Hasil keseluruhannya adalah seperti berikut:-

4.2.1 Profil Responden berdasarkan program

Program	Frekuensi (N=123)	Peratus (%)
Diploma Pemasaran	77	62.6
Diploma Akauntansi	46	37.4

Jadual 4.2.1 profil responden berdasarkan kepada program yang diikuti.

Jadual 4.2.1 menunjukkan profil responden berdasarkan program yang diikuti oleh responden. 62.6% responden adalah pelajar yang mengambil program DPR manakala pelajar yang mengambil program DAT adalah sebanyak 37.4%.

4.2.2 Tahap minat ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics

Item	Min (N=123)	Sisihan Piawai (SP)
1. Saya amat meminati kursus DPB1013-Statistics	4.18	0.50
2. Saya amat gembira berpeluang mempelajari kursus DPB1013-Statistics	4.20	0.51
3. Saya suka belajar kursus DPB1013-Statistics	4.20	0.48
4. Saya mengisi masa lapang dengan membuat latihan tubi bagi kursus DPB1013-Statistics	3.99	0.63
5. Saya sentiasa merujuk kepada sumber tambahan samada video Youtube atau mana-mana bahan bacaan yang sesuai bagi kursus DPB1013- Statistics untuk menambah pengetahuan saya	3.88	0.66
6. Saya sentiasa menunggu kelas kursus DPB1013- Statistics bermula	4.18	0.50
7. Saya sentiasa menawarkan diri untuk membuat penyelesaian soalan latihan kursus DPB1013- Statistics semasa di dalam kelas/sesi pembelajaran berlangsung	4.05	0.48
8. Aktiviti pembelajaran berpusatkan pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics memberi kepuasan kepada saya	4.15	0.52
Skor min keseluruhan	4.10	0.44

Jadual 4.2.2 tahap minat ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics

Jadual 4.2.2, menunjukkan bahawa min yang paling tinggi, 4.20 ialah min untuk item 2 dan 3. Item 2 iaitu saya amat gembira berpeluang mempelajari kursus DPB1013-Statistics dan item 3 iaitu saya suka belajar kursus DPB1013-Statistics. Ini menunjukkan pelajar gembira dan suka mempelajari kursus DPB1013-

Statistics. Manakala item 5: saya sentiasa merujuk kepada sumber tambahan samada video Youtube atau mana-mana bahan bacaan yang sesuai bagi kursus DPB1013-Statistics untuk menambah pengetahuan saya merupakan min yang paling rendah, 3.88. Berdasarkan kepada nilai skor min keseluruhan tahap minat ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics adalah berada di tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar berminat dengan kursus DPB1013-Statistics.

4.2.3 Tahap sikap ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics

Item	Min (N=123)	Sisihan Piawai (SP)
1. Kursus DPB1013-Statistics menarik minat saya	4.23	0.51
2. Saya berazam untuk skor A dalam kursus DPB1013-Statistics	4.33	0.52
3. Saya mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pembelajaran DPB1013-Statistics	4.11	0.53
4. Saya sentiasa melengkapkan nota kursus DPB1013-Statistics	4.08	0.51
5. Saya akan berasa kesal sekiranya saya gagal/tidak menghadirkan diri ke kelas DPB1013-Statistics	4.17	0.51
6. Kursus DPB1013-Statistics adalah sama penting dengan kursus-kursus yang lain	4.18	0.44
7. Saya sentiasa menyiapkan tugas DPB1013-Statistics saya dalam masa yang ditetapkan	4.15	0.44
8. Saya sentiasa memberikan tumpuan yang sepenuhnya ketika proses pengajaran dan pembelajaran kursus DPB1013-Statistics berlangsung	4.18	0.50
9. Saya sentiasa bertanyakan kepada pensyarah kursus sekiranya saya tidak	4.12	0.52

	memahami apa yang telah saya pelajari bagi kursus DPB1013-Statistics		
	Saya sanggup melakukan bacaan tambahan/membuat latihan tambahan untuk		
10.	memudahkan pemahaman saya bagi topic tertentu dalam kursus DPB1013-Statistics	4.11	0.46
	Skor min keseluruhan	4.17	0.41

Jadual 4.2.3 tahap sikap ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB101-Statistics

Berdasarkan Jadual 4.2.3, secara keseluruhan tahap sikap ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics adalah tinggi dengan skor min keseluruhan adalah 4.17 (SP: 0.41). Ini menggambarkan bahawa sikap pelajar adalah positif bagi kursus ini. Skor min yang paling tinggi, 4.33 adalah item 2: saya berazam untuk skor A dalam kursus DPB1013-Statistics. Ini membuktikan pelajar berusaha untuk mendapatkan pencapaian yang tinggi bagi kursus ini. Manakala skor min yang paling rendah, 4.08 adalah item 4 iaitu saya sentiasa melengkapkan nota kursus DPB1013-Statistics.

4.2.4 Tahap pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics

Tahap	Mata Gred	Frekuensi (N=123)	Peratus (%)
Tinggi	$3.00 \leq x$	56	45.5
Sederhana	$2.00 \leq x < 3.00$	46	37.4
Rendah	$x < 2.00$	21	17.1

Jadual 4.2.4 tahap pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics

Berdasarkan Jadual 4.2.4, didapati tahap pencapaian pelajar dalam kursus DPB1013-Statistics bagi Sesi Disember 2018 adalah berada pada tahap tinggi (45.5%). 37.4% pelajar berada pada tahap sederhana manakala terdapat 17.1% pelajar yang di akhir sesi pengajian bagi semester satu berada di tahap rendah bagi kursus DPB1013-Statistics. Daripada 17.1% pelajar yang berada di tahap pencapaian rendah, ada 4 orang pelajar daripada program DPR yang gagal kursus ini untuk Sesi Disember 2018.

Oleh yang demikian, pengkaji membuat kesimpulan bahawa berdasarkan kepada data

pencapaian pelajar kursus DPB1013-Statistics bagi Disember 2018 adalah berada pada tahap tinggi. Ini bersesuaian dengan kajian [18] yang membuktikan bahawa semakin tinggi markah yang diperolehi semakin dekat seseorang mencapai tahap pencapaian yang cemerlang.

5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat, pelajar yang terlibat dalam kajian ini mempunyai tahap minat yang tinggi ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics. Minat pelajar terhadap kursus ini bukan hanya sekadar untuk lulus dalam peperiksaan tetapi mereka berminat untuk mendapatkan ilmu yang akan digunakan pada masa yang akan datang. Oleh itu pengkaji ingin menyarankan agar pensyarah kursus DPB1013-Statistics yang mengajar kursus ini memastikan teknik P&P yang digunakan sekarang ini dikekalkan ataupun ditambahbaik untuk mengekalkan minat pelajar terhadap kursus DPB1013-Statistics.

Pelajar-pelajar ini juga didapati mempunyai tahap sikap yang tinggi ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics. Sikap memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan seseorang dalam pelbagai bidang bukan hanya dalam pendidikan malahan bidang pekerjaan juga memerlukan sikap yang baik. Sikap perlu dipupuk dari awal usia dengan harapan ianya akan berterusan dan berkekalan. Begitu juga sikap pelajar yang mengambil kursus DPB1013-Statistics ini dimana kursus ini perlu diambil di semester satu dan pelajar-pelajar ini perlu menempuhi 3 tahun pengajian. Sekiranya sikap pelajar tidak berada pada tahap yang tinggi kemungkinan pelajar ini tidak mampu mengekalkan prestasi pencapaian yang tinggi.

Minat dan sikap perlu disemai dan dipupuk sepanjang proses P&P supaya pencapaian pelajar lebih meningkat. Kemampuan pelajar menggunakan ilmu yang dipelajari adalah pengukur kepada keberkesanan proses P&P yang dilaksanakan.

Minat dan sikap yang positif akan memberikan kesan yang baik kepada pelajar, mendorong pelajar berfikir luar dari kotak, aktif dalam kelas, mampu mewujudkan suasana harmoni di dalam kelas, meningkatkan kemahiran insaniah serta berkeupayaan untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan baik samada secara individu atau berkumpulan.

Oleh kerana kajian ini hanya tertumpu kepada kajian terhadap minat dan sikap ke atas pencapaian pelajar bagi kursus DPB1013-Statistics, pengkaji ingin mencadangkan agar pengkaji akan datang meluaskan lagi kajian ini dengan mengkaji hubungan antara minat dan sikap terhadap pencapaian pelajar bagi kursus ini atau mengambil kira faktor-faktor lain yang menggalakkan kepada pencapaian pelajar bagi kursus ini.

RUJUKAN

- [1] Zulzana Zulkarnain, Mohamed Saim & Roslina Abd Talib (2012). *Hubungan antara minat, sikap dengan pencapaian pelajar dalam kursus CC301 – Quantity Measurement*, Politeknik Port Dickson.
- [2] Fazlina Rahiman & Aniza Suriati Abdul Shukor (2017). *Hubungan minat dan sikap terhadap pencapaian pelajar dalam kursus DPA3043 – Auditing*. National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17), Politeknik Sultan Azlan Shah.
- [3] Noraini Omar (2008). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima*. Jurnal Pendidikan, Institut Perguruan Tun Abdul Razak, Sarawak.
- [4] Azrul Mahfurdz & Saifuddin Semail, (2012). *Hubungan gaya pembelajaran, motivasi dan pencapaian pelajar semester satu dalam Matematik Kejuruteraan Politeknik Mukah Sarawak & Politeknik Sandakan Sabah*. Diges Politeknik & Kolej Komuniti Zon Sarawak.
- [5] Abd. Halim Mohamad & Wan Mohamad Wan Sulong (2003). *Antara minat dan sikap pelajar terhadap Bahasa Arab: Satu kajian kes pelajar Bachelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. Wacana Pendidikan Islam (Siri 5) Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [6] Syaza Mohd Sabri, Sharini Che Ishak & Asmawati Suhid (2014). *Kajian minat dan motivasi murid terhadap pengajaran Pendidikan Islam*. Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan.
- [7] Katz, D. (1960). *The functional approach to the study of attitude*. Public Opinion Quarterly, AAPOR.
- [8] Abdullah & Ainon (1986). *Daya pengaruh dan perubahan sikap*. Kuala Lumpur. Utusan Publications and Distributions Sdn Bhd.
- [9] Abd Rahim, A (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan*. Kuala Lumpur. Cergas (M) Sdn Bhd.
- [10] Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2013). *Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu*. Procedia-Social and Behavioral Science 134408-415
- [11] Aminah (2008). Utusan Malaysia. 17 Jun 2008
- [12] Biggs, J.B. (1993). *Teaching for learning: The view from cognitive psychology*. Victoria: The Australian Council for Education Research Ltd.
- [13] Sazali Kenit (2007). *Faktor-faktor kekangan yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam matapelajaran Lukisan Kejuruteraan di lima buah sekolah menengah akademik harian di daerah Johor Bharu*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bharu, Malaysia.
- [14] Jainudin bin Ngah, Norlela binti Ali, Nurul Huda binti Mohd Bisri & Mohd A'sri bin Abd Rahman (2015). *Sikap pelajar terhadap kursus Pendidikan Islam (GPII083) dan hubungannya dengan pencapaian pelajar*. Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur.
- [15] Ahmad Rizal Madar, Nurul Akmar Kamaruddin & Saifullizam Puteh (2005). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam menguasai matapelajaran kejuruteraan di politeknik-politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Prosiding Seminar Pendidikan JPPG 2005. JPPG 2005 dan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- [16] Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), *Penyelidikan Pendidikan*, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- [17] Mohd Majid Konting (1994), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [18] Robiah Sidin (1994). *Pendidikan di Malaysia. Cabaran untuk masa depan*. Kuala Lumpur, Fajar Bakti.